

DERMOPLEX BITE AND STING CREAM

Cetrimide/Menthol/Camphor (0.5% / 1.0% / 3.0%)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Dermoplex Bite & Sting Cream
2. Bagaimana Dermoplex Bite & Sting Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream
4. Cara menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream
5. Semasa menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Bite & Sting Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Dermoplex Bite & Sting Cream

Dermoplex Bite & Sting Cream digunakan untuk melegakan kegatalan dan kesakitan yang disebabkan oleh luka terbakar ringan, gigitan nyamuk dan serangga, kerengsaan kulit ringan, ruam, bercukur, jerawat, kikisan dan calar-calar kulit. Dermoplex Bite & Sting Cream mengandungi antiseptik untuk membantu mengelakkan jangkitan kulit bakteria.

Bagaimana Dermoplex Bite & Sting Cream berfungsi

Dermoplex Bite & Sting Cream mengandungi *cetrimide*, *camphor* dan *menthol* sebagai bahan aktif. *Camphor* mengurangkan kesakitan dan kerengsaan kulit. *Cetrimide* merupakan antiseptik yang membantu mengelakkan jangkitan kulit. *Menthol* memberi rasa sejuk pada kulit.

Sebelum mengambil Dermoplex Bite & Sting Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap *cetrimide*, *camphor*, *menthol* atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini di kalangan kanak-kanak bawah umur 2 tahun. Ia amat bahaya untuk meletakkan sebarang produk yang mengandungi *camphor* pada lubang hidung kanak-kanak kerana ia boleh menyebabkan pernafasan terhenti buat sementara.

Jangan menggunakan ubat ini pada luka.

Ubat ini tidak disyorkan untuk digunakan secara berulang and berterusan dalam tempoh masa yang panjang. Ini berkemungkinan menyebabkan alahan berlaku.

Elakkan daripada terkena mata

Jangan menggunakan ubat ini pada organ kaviti disebabkan ianya mengandungi *cetrimide*.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap

sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh bertindak balas dengan Dermoplex Bite & Sting Cream. Walau bagaimanapun, tiada tindak balas yang dikenal pasti buat masa ini.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream.

Cara menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada bahagian berkenaan bila perlu. Gunakan kuantiti yang mencukupi untuk memberi kelegaan.

- Bila perlu digunakan

Guna Dermoplex Bite & Sting Cream bila perlu.

DERMOPLEX BITE AND STING CREAM

Cetrimide/Menthol/Camphor (0.5%/ 1.0% / 3.0%)

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan ubat ini selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat, anda boleh menggunakannya sebaik sahaja anda ingat.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda tertelan ubat ini, anda mungkin akan mengalami kesan sampingan seperti rasa loya dan muntah. Kesusahan bernafas juga berkemungkinan untuk berlaku.

Jika anda menggunakan secara berlebihan atau termakan ubat ini, sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Dermoplex Bite & Sting Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Dermoplex Bite & Sting Cream kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna Dermoplex Bite & Sting Cream untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena mata, membran mukosa, kulit cedera dan bahagian telinga tengah.

Kesan-kesan sampingan

Kebanyakan ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Sesetengahnya adalah serius dan sesetengahnya mungkin tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika terdapat sebarang pertanyaan yang anda mungkin ingin ketahui.

Kesan sampingan seperti pemekaan kulit jarang-jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.moh.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Bite & Sting Cream

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu bawah 30°C jauh dari cahaya.

Jangan menyimpan Dermoplex Bite & Sting Cream atau sebarang ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Apollo, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Cetrimide
- Menthol
- Camphor

Bahan tidak aktif:

- Emulsifying wax
- White soft paraffin
- Benzalkonium chloride solution 50%
- Purified water

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd
Lot 1, 2, 3 & 4, Kawasan Industri Batu 7, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.

- Nombor MAL

MAL19912645XC

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

- Nombor MAL

MAL26066036XS

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

DERMOPLEX BITE AND STING CREAM

Cetrimide/Menthol/Camphor (0.5% / 1.0% / 3.0%)

Tarikh kemaskini RIMUP

16/07/2026

Nombor siri:

NPRA (R2/2) 251022/01560